

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' HJ SALIM SHARIF (JEMPOL)

SOALAN

DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebarang mekanisme baharu bagi menangani isu pendatang asing tanpa izin (PATI) yang sudah berlanjutan sejak sekian lama agar tindakan penguatkuasaan dapat dilakukan secara lebih menyeluruh dan berkesan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun ini merupakan strategi penguatkuasaan yang komprehensif untuk mengatasi permasalahan kebanjiran PATI di negara ini dengan melibatkan kerjasama secara strategik di antara pelbagai Kementerian dan Agensi. Objektif pelan ini adalah mewujudkan satu ekosistem yang tidak selesa kepada PATI dalam meneruskan kehidupan seharian mereka melalui pendekatan mendaya upaya agensi penguat kuasa dan kawal selia sedia ada termasuk meningkatkan kerjasama strategik dan kesedaran masyarakat setempat.

Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini akan menggariskan pelan tindakan atau strategi membanteras PATI berdasarkan lima (5) strategi atau fokus utama iaitu:-

- (i) **Strategi Perundangan dan Dasar Penguatkuasaan PATI** yang menggariskan pelan pelaksanaan penggubalan undang-undang dan penyelarasaran dasar berkaitan penguatkuasaan PATI;
- (ii) **Strategi Kawalan Sempadan dan Pintu Masuk** yang menggariskan pelan pelaksanaan pemantauan kawalan keselamatan di sempadan dan pintu masuk negara;
- (iii) **Strategi Pengurusan Pekerja Asing** yang menggariskan pelan penyelarasaran dasar berkaitan pekerja asing;
- (iv) **Strategi Operasi Penguatkuasaan PATI** yang menggariskan pelan pelaksanaan berkaitan operasi penguatkuasaan membanteras PATI di seluruh negara; dan
- (v) **Strategi Media dan Publisiti** yang menggariskan pelan pelaporan media, publisiti dan program kesedaran berkaitan PATI.

Selain itu, KDN melalui JIM mengambil langkah berikut sebagai mekanisme untuk mengekang kemasukan warga asing yang berisiko ke negara ini, iaitu:

- (i) proses tapisan awal melalui pengeluaran visa di kedutaan/ pejabat perwakilan Malaysia di luar negara, di mana tapisan akan dibuat untuk mengenal pasti sama ada warga asing berkenaan telah dimasukkan dalam senarai syak (SL) Jabatan. Sekiranya nama mereka tersenarai dalam senarai syak, warganegara asing ini tidak akan dikeluarkan dengan visa untuk masuk ke Malaysia;
- (ii) kawalan dan pemeriksaan keselamatan di pintu-pintu masuk negara meliputi pemeriksaan dokumen perjalanan dan latar belakang warga asing berisiko melalui sistem berpangkalan data yang berintegrasi dengan pelbagai agensi penguatkuasaan seperti semakan senarai syak (SL) Jabatan dan pengambilan data cap jari biometrik dan semakan butiran biodata serta dokumen perjalanan melalui *Stolen and Lost Travel Document System* (SLTD) yang dibangunkan oleh INTERPOL; dan
- (iii) semakan ketulenan identiti warga asing di pintu masuk negara melalui Sistem Pangkalan Data (Biometrik) Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional (NERS) dengan membuat proses pengecaman terhadap data biometrik yang telah direkodkan sebagai senarai syak (SL) Jabatan.